

DRAF

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' SRI DR. NOORUL AINUR MOHD. NUR
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

Majlis Apresiasi MOSTI 2015

14 Mei 2015 (Khamis)

Hotel Marriott Putrajaya

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Terima kasih kepada saudara Pengacara Majlis

YB DATUK DR. EWON EBIN

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

YB DATUK DR. ABU BAKAR MOHAMAD DIAH

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

YBHG. DATO' DR. MOHD AZHAR HJ YAHAYA

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), MOSTI

YBRS. DR. ZULKIFLI MOHAMED HASHIM

Timbalan Ketua Setiausaha (Sains), MOSTI

DRAF

YBRS. ENCIK MOHD YUSRI BIN MOHD YUSOFF

Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan)

Selaku Pengerusi Jawatankuasa Induk Majlis Apresiasi MOSTI 2015

YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan Ketua-Ketua Pengarah/Ketua

Pegawai Eksekutif Jabatan dan Agensi di Bawah MOSTI

Pegawai-pegawai kanan MOSTI dan para jemputan,

Seterusnya yang diraikan penerima-penerima anugerah kecemerlangan MOSTI sekalian.

1. Marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat serta keizinan-Nya jua, dapat kita berhimpun pada hari ini bagi meraikan pegawai-pegawai cemerlang MOSTI.
2. Pada hari ini, kita amat **berbesar hati, YB Datuk Dr. Ewon Ebin, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah sudi untuk bersama-sama** kita seterusnya menyempurnakan Majlis Apresiasi MOSTI Tahun 2015 ini.
3. Begitu juga kita **mengalu-alukan dan merakamkan ucapan terima kasih kepada YB Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah,** Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi yang turut sudi hadir ke majlis pada petang ini.

DRAF

Para hadirin yang dihormati sekalian,

4. Setinggi-tinggi **tahniah dan syabas** saya ucapkan kepada **kesemua 348 warga cemerlang MOSTI iaitu 346 penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan dua (2) orang penerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC)**, yang telah memberi perkhidmatan yang cemerlang dengan komitmen kerja yang tinggi di sepanjang tahun 2014.

5. Sesungguhnya **Majlis Apresiasi MOSTI Tahun 2015** merupakan **suatu bentuk penghargaan atas prestasi perkhidmatan yang cemerlang** dalam memastikan sistem penyampaian kerajaan sentiasa mencapai matlamat dan kualiti yang ditetapkan. Insentif ini diberikan sebagai pendorong kepada anggota perkhidmatan awam untuk terus berusaha dengan lebih gigih dalam mencapai aspirasi kerajaan. Di samping itu, **pengiktirafan ini diberi atas segala jasa, pengorbanan dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai penjawat awam dalam menjalankan tugas rasmi mahupun tidak rasmi** seperti penglibatan aktif di dalam kegiatan sukan, sumbangan terhadap pembangunan dan kesejahteraan masyarakat serta negara.

6. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua penerima dan kita berharap mereka yang berjaya ini terus **menjadi contoh dan *role model* kepada anggota yang lain** dalam melakari dan menyelusuri kecemerlangan perkhidmatan awam.

DRAF

7. Untuk makluman para hadirin sekalian, **Majlis Apresiasi Tahun 2015** kali ini diadakan bersekali iaitu menggabungkan majlis penganugerahan untuk warga cemerlang lapan (8) Jabatan di bawah MOSTI,

- i. Agensi Nuklear Malaysia;
- ii. Agensi Angkasa Negara;
- iii. Agensi Remote Sensing Malaysia,
- iv. Jabatan Kimia Malaysia;
- v. Jabatan Meteorologi Malaysia;
- vi. Lembaga Pelesenan Tenaga Atom;
- vii. Jabatan Standard Malaysia; dan
- viii. Pusat Sains Negara.

Ucapan tahniah kepada semua yang telah bersama-sama menjayakan Majlis Apresiasi MOSTI Tahun 2015. Ini jelas menunjukkan **semangat kerja berpasukan** yang tinggi, dan semangat kekitaan yang jitu antara kita di bawah bumbung MOSTI. Ia juga **selaras dengan dasar penjimatan dan perbelanjaan berhemah** dengan kerjasama dan usaha kolaboratif antara Jabatan yang mana berupaya **mengoptimumkan sumber sedia** ada dalam mencapai hasil yang lebih baik. Di samping penjimatan kos, kaedah ini pada masa yang sama, **mendukung dasar Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS)**.

8. Malah, **dalam menghayati NBOS ini, majlis kali telah turut diadakan bersekali dengan *OBB Strategic Walkabout MOSTI 2015***. Program tersebut merupakan satu platform untuk pihak pengurusan MOSTI **mendapatkan input secara terus daripada seluruh warga**

DRAF

MOSTI mengenai kerangka keberhasilan OBB MOSTI yang melibatkan empat program utama iaitu

- 1) Pengurusan Teras dan Am Sains, Teknologi dan Inovasi (STI);
- 2) Pembangunan Sains;
- 3) Perkhidmatan Sains; dan
- 4) Pembudayaan Sains.

Hadirin sekalian,

9. MOSTI pada masa ini sedang dalam **peringkat akhir pelaksanaan urusan penstrukturan semula untuk membentuk organisasi yang lebih dinamik dengan perjawatan yang mantap** bagi tujuan:

- i. Meneraju dan **meningkatkan aktiviti pengkomersilan, penyelidikan dan pembangunan** dalam ekosistem STI negara. (*Champion on commercialisation*);
- ii. MOSTI sebagai **agensi pusat bagi STI** (*Central agency for STI*);
- iii. **Peralihan dari *industrial based* kepada *technology based***;
- iv. Merekayasa MOSTI untuk **mendokong pelaksanaan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN)**;
- v. **Mengarusperdana pembudayaan STI Negara** selari dengan DSTIN;
- vi. **Pengurusan dana diperkukuhkan daripada *decentralize* kepada *centralize***;

DRAF

10. Adalah dimaklumkan bahawa **usaha penstrukturan semula MOSTI ini berdepan cabaran besar**. Ini berikutan keputusan dalam Mesyuarat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) dengan Ketua Setiausaha (KSU) dan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK Negeri) yang diadakan pada 19 Mac 2015 yang **tidak membenarkan pertambahan jawatan, kecuali secara *trade-off* yang tidak melibatkan pertambahan kos dan membekukan urusan pengisian jawatan terutama bagi gred lantikan**. Walaupun terdapat kekangan seperti yang dinyatakan tersebut, saya berharap ia tidak menjadi halangan kepada semua warga MOSTI untuk meneruskan kecemerlangan dengan **melaksanakan tugas melalui kaedah lebih kreatif dan inovatif melalui pemikiran di luar kotak**. Untuk itu juga, saya menyeru kepada ketua-ketua Bahagian di MOSTI dan Jabatan agar mengamalkan **pelaksanaan tugas secara *multi skilling, multi tasking dan redeployment*** tanpa menjejaskan kualiti dan produktiviti kerja.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

11. Selaku sebuah agensi utama kerajaan dalam bidang sains, teknologi dan inovasi (STI), MOSTI berhadapan dengan cabaran untuk merealisasikan amanah dalam usaha transformasi bidang STI negara terutamanya dalam **melaksanakan inisiatif di bawah Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2013-2020**. Memasuki tahun kedua pelaksanaannya, saya menyeru semua warga MOSTI untuk terus komited untuk memastikan pelaksanaan DSTIN agar terus berada pada landasannya.

12. Saya amat yakin, **dengan kepimpinan YB Menteri dan YB Timbalan Menteri serta kegigihan seluruh warga MOSTI, kita mampu**

DRAF

memacu kementerian ini ke tahap yang lebih cemerlang agar bidang STI negara kita setanding dengan negara-negara maju.

13. Akhir kata, saya **sekali lagi merakamkan ucapan tahniah kepada semua para penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC)** yang diraikan pada hari ini. Setinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada **semua pihak yang telah menjayakan majlis pada petang ini termasuk pihak media** serta semua yang hadir untuk sama-sama meraikan warga MOSTI yang telah terpilih sebagai penerima APC tahun 2014, penerima PPC. Saya berharap kerjasama dan komitmen yang diberikan selama ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.